

KENYATAAN MEDIA
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)

SITUASI SEMASA KEADAAN AIR DI KAWASAN MUDA

ALOR SETAR, 11 OKTOBER - Sehingga jam 11 pagi tadi, paras bagi kesemua sungai-sungai utama berada di paras normal di mana Sungai Padang Terap berada di paras 14.01 meter, Sungai Kedah – Ampang Jajar 0.82 meter, Sungai Anak Bukit di Jambatan Tunku Abdul Rahman 1.29 meter, Sungai Pendang 0.91 meter dan Sungai Arau 6.07 meter.

Hujan yang sangat lebat pagi di Daerah Kubang Pasu dan Kota Setar menyebabkan banjir kilat di beberapa tempat. Hujan tertinggi direkodkan di Alor Biak 172mm, Telaga batu 155mm, Kuala Sungai 152mm, Jitra 142mm dan Kepala Batas 130mm.

Pihak MADA sedang giat mengalirkan lebihan air ke laut melalui semua pintu kawalan pasang surut termasuk Tandop Ampang Jajar.

Pelepasan air berlebihan juga dibuat melalui Sungai Kedah, Terusan Alor Changileh, Lanabulu dan Arau serta pintu-pintu tandop struktur kawalan pasang surut dibuka sepenuhnya.

Paras di Ampang Jajar adalah 0.82 m iaitu paras yang rendah yang membolehkan air mengalir dengan senang kecuali ada halangan sebelum turun ke sungai.

Pintu di Ampang jajar dijangka ditutup sebentar kerana air akan pasang TETAPI tidak akan menjejaskan kawasan dihilu.

Kedudukan takungan bagi ketiga-tiga empangan di bawah seliaan MADA masih berada dalam keadaan selesa di mana Empangan Pedu 86.87% dan Empangan Ahning 75.73% kecuali Empangan Muda 103.6% yang telah mula melepasi paras alur limpah. Walaubagaima pun limpahan ini merupakan situasi normal serta terkawal dan lebihan air tersebut di alirkan ke kawasan Kedah Selatan.

Dikeluarkan oleh :

Cawangan Komunikasi Korporat
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
11 Oktober 2017 / 12.30 Tengahari